

LAWATAN PENANDA ARAS DAN KUNJUNGAN HORMAT OLEH PUSAT ANTARABANGSA, UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA KE PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN, KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

ANJURAN JAWATANKUASA EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) ZON PERGIGIAN

18 OGOS 2020

Rombongan dari Pusat Antarabangsa, Universiti Putra Malaysia seramai 15 orang tiba jam 2.00 petang di Bilik Mesyuarat Utama dan disambut baik oleh jawatankuasa EKSA Zon Pergigian. Ucapan aluan menyambut ketibaan rombongan diberikan oleh Dr. Noormi binti Othman Pengarah Kanan Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia. Puan Ida Suhaila binti Md Tahir selaku ketua rombongan dan Penyelaras Program 5S Pusat Antarabangsa UPM mengucapkan terima kasih kepada semua anggota Program Kesihatan Pergigian kerana sudi menerima kedatangan mereka. Taklimat ringkas organisasi dan amalan EKSA Zon Pergigian disampaikan oleh Dr. Siti Sarah Soraya binti Mohamad. Taklimat diakhiri dengan sesi soal jawab dan bertukar-tukar cenderahati sebagai tanda terima kasih dari kedua belah pihak sebelum lawatan ke semua subzon dimulakan.

Selaras dengan norma baharu, ahli rombongan dibahagikan kepada dua kumpulan untuk mengehadkan bilangan dan mengekalkan penjarakan yang selamat. Lawatan dimulakan dengan membawa ahli rombongan melawat ke semua subzon bagi melihat pelaksanaan EKSA di Program Kesihatan Pergigian. Sudut Maya EKSA Zon Pergigian di Portal Rasmi Program Kesihatan Pergigian dan Sudut Fizikal EKSA juga dilawati. Zon Pergigian juga turut berbesar hati untuk membawa ahli rombongan melawat amalan *Go Green* dan Taman Herba Zon Pergigian di balkoni. Penutup lawatan penanda aras diakhiri dengan jamuan ringan di balkoni.

Diharapkan dengan lawatan ini dapat memberi idea dan pendedahan kepada pihak Pusat Antarabangsa, Universiti Putra Malaysia untuk melaksanakan peralihan dari Program 5S ke Amalan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA).







